

**DAP gesa gugurkan 'penasihat pintu belakang' PM
Malaysian Insider
Nov 25, 2015**

Seminggu selepas mempersoalkan kewujudan beberapa penasihat bertaraf menteri dengan gaji lebih besar daripada perdana menteri sendiri, DAP hari ini menggesa Datuk Seri Najib Razak menghentikan amalan tersebut.

Ahli Parlimen Kluang Liew Chin Tong berkata kewujudan penasihat itu, yang terdiri daripada bekas ahli politik, menyebabkan berlaku pertindanan fungsi dengan jawatan-jawatan duta yang sememangnya sudah sedia ada dalam struktur Wisma Putra.

"Pelantikan bekas ahli politik sebagai duta-duta ke luar negeri bukan amalan baharu yang diterima, walaupun bilangannya haruslah dikawal supaya lebih ramai duta datang daripada kalangan diplomat.

"Yang tidak boleh diterima adalah apa yang saya gelar sebagai 'duta palsu', iaitu duta khas kepada perdana menteri yang tidak tertakluk dalam struktur Wisma Putra.

"Saya difahamkan pertindihan di antara duta-duta khas dengan Wisma Putra lazim berlaku dan amalan memberikan gelaran duta khas untuk ahli-ahli politik Barisan Nasional perlulah dihentikan," katanya dalam kenyataan beliau pada sidang media di lobi Parlimen.

"Jawatan-jawatan penasihat kepada perdana menteri yang bertaraf menteri dan diberikan gaji yang lebih tinggi daripada menteri adalah salah daripada segi amalan Kerajaan Kabinet.

"Semua penasihat bertaraf 'menteri pintu belakang' sepatutnya digugurkan jawatan," gesa Liew.

Liew pada 18 November lalu menggesa kerajaan menjelaskan rasional di sebalik tindakan Putrajaya membayar gaji lebih tinggi kepada penasihat khas kerajaan, berbanding gaji Najib sendiri.

Menurutnya, dalam bajet terkini di bawah Jabatan Perdana Menteri, gaji Penasihat Khas Hal Ehwal Wanita Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil melebihi RM27,000 sebulan.

Begitu juga gaji Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan di Selangor Datuk Seri Noh Omar.

Duta Khas ke India dan Asia Selatan Datuk Seri S Samy Vellu juga menerima RM27,000 sebulan, kata Liew. – 25 November, 2015.

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dap-gesa-gugurkan-penasihat-pintu-belakang-pm>